DOA-DOA PARA NABI

SUATU hari Nabi Sulaiman dan bala tenteranya yang terdiri dari manusia, Jin dan burung melalui suatu lembah semut. Terdengar-lah oleh Nabi Sulaiman a.s. akan perkataan raja semut kepada rakyatnya: "Hai semut, masuklah kamu ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak terinjak-injak oleh Sulaiman dan pasukannya, sedangkan mereka tidak menyedari."

رَبِّ أَوْزِعْنِيٓ أَنْ أَشْكُرَ
نِعْمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَٰلِحًا
تَرْضَىٰهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١٩

Ertinya:

"Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku danjuga kepada dua ibu bapaku dan untuk mengerjakan anted soleh yang Engkau redhai, dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh."

(Al-Naml: 19)

Baik diketahui:

a. Doa di atas adalah doa yang pernah diucapkan oleh seorang Nabi, yang benama Nabi Sulaiman a.s.

b. Begitu pentingnya peristiwa Sulaiman di atas sampai Allah beritahukan hal tersebut kepada manusia di belakang hari, iaitu umat Nabi Muhammad SAW.

c. Doa tersebut dicantumkan sebahagian bahagian dari ayat-ayat Al-Quran.

d. Bila kita mengucapkan doa di atas bererti suatu doa, atsar dari Nabi Sulaiman dan Al-Quran, nilai dan ganjarannya berlipat ganda.

e. Setiap orang pasti mengalami akan hal yang sama dengan peristiwa Nabi Sulaiman, hanya dalam variasi yang berbeza. Hadith Muslim dengan sumber yang sama menyebutkan bahawa Rasulullah SAW ada bersabda; kalau aku membaca:

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ أَكْبَرُ.

Ertinya:

"Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tidak ada Tuhan selain Allah, dan Allah Maha Besar."

1. Doa Nabi Musa a.s.

Manusia, suatu sifat yang selalu ada pada mereka iaitu terlibat pada kesalahan, baik sengaja atau kerana lalai. Musa a.s. pemah terlibat pada perbuatan kesalahan. Ia pernah membunuh salah seorang yang tengah berkelahi. Kebetulan yang dipukul roboh **oleh** Musa adalah dari pihak kelompok Firaun yang terkenal kejam. Setelah terjadi, Musa pun menyedari atas segalanya, beliau mengadu dan mohon keampunan atas perbuatan yang terpaksa ia lakukan:

قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي

Ertinya:

"Oh Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diriku sendiri, kerana itu ampunilah aku."

(Al-Qasas: 16)

2. Doa Nabi Ayub a.s.

Allah mentakdirkan bahawa dalam kehidupan manusia akan banyak mengalami perjuangan, baik diluar mahupun di dalam diri itu sendiri. Umumnyaketika suka, perjuangan itu tiada terasa, dan bila derita yang terjadi, maka terasa menyesak dada. Saat-saat seperti itu, tidak pihh siapa manusianya, mereka pasti akan berusaha, berdoa dan menyerah; kecuali bagi yang beriman, penyerahan dan doa-harapannya tertuju pada Allah SWT yang Mana Kuasa lagi Maha Maklum atas segalanya. Allah berfirman:

Ertinya:

"Dan minta tolonglah kamu kepada Allah denganjalan sabar dan solat. Dan sesungguhnya yang demikian itu amat berat, kecuali bagi mereka yang khusyuk."

(Al-Baqarah: 45)

Sebahagian ahli menempatkan pengertian sabar ialah usaha yang tidak kenal lelah, sedangkan kata solat ialah di dalamnya temiasuk doa. Benarlah upaya dan doa adalah dua penunjang yang tiada boleh diabaikan, bahkan saat-saat upaya sudah terdesak di jalan buntu, doa masih berfungsi bergerak di luar ruang lingkup pandangan mata dan pendengaran telinga. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Siapa-siapa yang dibukakan baginyapintu-pintu doa bererti
telah dibukakan baginyapintu-pintu rahmat. Tiadalah sesuatu yang dimintakan seseorang kepada Allah yang lebih dicintaiNya selain daripada permintaan 'afiat. Adapun doa itu amat bermanfaat terhadap sesuatu (takdir) yang sudah berlaku danjuga terhadap hal-hal yang belum terjadi. Tidak ada sesuatu yang dapat menolak ketetapan Tuhan (Qadha') kecuali doa, kerana itu berdoalah kamu."

Demikianlah Nabi Ayyub, ketikabeliau terkena penyakit yang susah sembuh, beliau tidak putus asa. Beliau tahu dan yakin bahawa setiap penyakit pasti ada ubat penyembuhannya, hanya saja kadang-kadang pengetahuan manusia belum menemuinya atau "taufiq" (persetujuan Tuhan) yang belum ada. Demikian saat-saat yang di luar dugaan mata biasa, di luar jangkauan ilmu pengetahuan, pertolongan Tuhan itu datang. Nabi Ayyub berdoa, mengadukan halnya kepada Tuhan Pencipta semesta Alam dan Allah berfirman:

رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾
فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ

Ertinya:

"Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua yang penyayang, maka Kami pun memperkenankan suaranya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang adapadanya dan Kami kembalikan keluarganya kepadanya......"

(Al-Anbiya: 83-84)

3. Doa Musa a.s. Menghadapi Firaun

Nabi Musa a.s. mendatangi Firaun dengan tugas dakwah. Firaun yang terkenal keras kepala, kejam terhadap rakyat dan bahkan menggunakan segala kekuasaannya. Firaun inilah yang akan dihadapi oleh Nabi Musa a.s., yang pernah diasuh Firaun itu berdoa kepada Tuhan, di antaranya adalah:

رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى ﴿٢٥﴾ وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى ﴿٢٦﴾ وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن
لِّسَانِى ﴿٢٧﴾ يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى ﴿٢٨﴾

Ertinya:

"Oh Tuhanku, lapangkanlah dadaku, mudahkanlah untukku urusanku, arahkanlah kekakuan lidahku dan mengertilah kiranya mereka akan perkataanku."

(Thaha: 25-28)

Sering kita dengar seseorang pembicara membaca doa di atas secara keras ketika ia akan memulai berbicara di hadapan umum. Tetapi akan lebih tepat, bila doa tersebut dibacakan saja secara perlahan, tanpa perlu didengar umum, akan yang perlu adalah peribadi kita sendiri. Atau bacakan sebelum naik mimbar atau seumpamanya.

4. Doa Nabi Zakaria a.s.

Nabi Zakaria dan keluarganya amat ingin mempunyai anak, walau beliau memaklumi, bahawa dirinya sudah begitu uzur dan tua. Keadaan demikian tergambar pada wahyu Allah yang merakam peristiwa ketika ia berdoa:

رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ
مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُن بِدُعَائِكَ رَبِّ
شَقِيًّا ﴿٤﴾ وَإِنِّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِن وَرَائِي وَكَانَتِ
امْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا ﴿٥﴾ يَرِثُنِي وَيَرِثُ
مِنْ آلِ يَعْقُوبَ وَاجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا ﴿٦﴾

Ertinya:

"Tuhanku, sesungguhnya tulangku sudah rapuh dan kepalaku sudah memutih uban, sementara aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau, ya Tuhanku. Dan sesungguhnya aku khuatir terhadap mewaliku (yang melanjutkan urusan) sepeninggalanku, sedangkan isteriku seorang yang mandul. Kerana itu anugerahilah aku seorang putera di sisiMu yang nantinya akan menjadi waris dari sebahagian keluarga Yaakub dan takdirkan dianya nanti akan seorang yang diredhai, ya Tuhanku."

(Maryam: 4-6)

Putera puteri dilingkungan keluarga akan menjadi penghujung dalam kehidupan suami isteri, penghibur rumah tangga, pewaris harta pelanjut keturunan, penyebar agama, pembentuk kerja dan pemanjat doa bagi kedua orang tuanya. Demikian penting kehadiran anak dilingkungan keluarga, tidak diragukan lagi. Untuk itu Nabi Zakaria berdoa mengadu kepada Allah yang Maha Kuasa.

رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ

Ertinya:

"Oh Tuhanku, janganlah Engkau membiarkan aku hidup seorang diri, dan Engkau adalah waris yang paling baik."

(Al-Anbiya': 89)

Lalu Allah memperkenankan doa Zakaria dengan lahimya seorang anak, Yahya a.s.

5. Doa Nabi Yunus a.s.

Para Nabi adalah utusan Allah kepada manusia. Mereka adalah manusia biasa, hanya saja diberi Allah wahyu. Pada diri para Nabi Allah terdapat contoh teladan yang baik untuk ikutan umat. Ada contoh melalui amal perbuatan, ada ajaran dan anjuran yang dilakukan melalui lisan ada pula melalui sikap.

Pada Nabi Yunus, pengajaran itu terdapat ketika beliau pergi dalam keadaan marah disebabkan umatnya yang tidak mendengar dakwahnya. Nabi Yunus a.s. dipertemukan Allah dengan kesengsaraan di laut dan ditelan ikan besar.

Dalam perut ikan yang gelap gelita itulah, Yunus a.s. berdoa:

لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Ertinya:
"Tidak ada Tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau, ya Allah, sesungguhnya aku adalah termasuk orang yang zalirn "

(Al-Anbia: 87)

Doa Yunus pun didengar Allah, ia diselamatkan Allah, ikan besar itu terdampar di pantai. Allah SWT sungguh bijak. Kalau kepada Nabi Yunus Allah berikan pengajaran kepada umat manusia dengan cara pengalaman yang pahit, lalu kepada Nabi Muhammad SAW pengajaran umat diberikan melalui pengalaman baginda terhadap peristiwa Ummi Maktum.

6. Doa Nabi Adam a.s.
Adam adalah bapa manusia, beliaulah manusia pertama di jagad ray a ini. Kita wajib menghormati Adam dan Hawa, mendoakannya melalui doa ibu bapa; bukan sebaliknya melemparkan kutuk atas kekhilafannya tentang dosa memakan buah khuldi.

Nabi Adam bagaikan Nabi Yusuf juga, sebelum ia ditunjuk pada tugas berat dan mulia, ia diuji dan dicuba. Ketika Adam nyata berdosa kerana melanggar larangan Allah, iblis ikut serta terlibat. Ketika Adam dan Hawa bertaubat dan mengaku kesalahan, maka iblis malah sebaliknya, menentang, siap masuk neraka dan mengancam akan memusuhi Adam dan keturunannya sampai kiamat.

Peristiwa Adam atas pelanggarannya telah diceritakan oleh semua kitab suci, termasuk Al-Quran. Perbezaan kisah terletak, bahawa Al-Quran menceritakan taubat Adam dan kerana keikhlasan taubatnya, dosanya diampuni Allah dan ditunjuk turun ke dunia menjadi Khaliffatullah di muka bumi.

Sementara Nasrani menempatkan Adam tetap berdosa dan sebagai sumber dosa hingga hari kiamat; turun ke dunia dengan berbagai kesengsaraan, melahirkan anak dan mati sebagai akibat dosa. Kita adalah keturunan orang bersih. Al-Quran, menceritakan doa Adam dan Hawa:

Ertinya:

"Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan andaikan Engkau tidak ampuni kesalahan kami dan tidak Engkau kasihi kami, nescaya kami akan menjadi orang-orang yang rugi."

(Al-'Araf: 23)

7. Doa Nabi Ibrahim

Keluarga yang taat kepada Allah adalah idaman hidup. Setiap orang ingin demikian, walaupun idaman mulia tersebut hams dibina melalui teladan ketua keluarga yang taat. Keinginan ketumnan yang baik itu bukan saja timbul dari keluarga yang taat, tetapi juga bersemayam dalam hati ketua keluarga yang dangkal pengalaman agamanya; kecuali pada lingkungan yang acuh tak acuh.

Betapa banyak ayah yang jarang solat, sering meninggalkan puasa dan sebagainya, namun mereka menuntut agar anak isterinya menjadi orang baik-baik. Ketenteraman batin pada sebuah keluarga ditandai oleh keberhasilan mengumpulkan harta, namun ketenteraman abadi hany a terletak pada rumah tangga keluaga yang berbudi dan taat pada ajaran agama Mereka hidup taat dengan ajaran agama, bijak dalam bergaul dan rukun dalam kekeluargaan. Al-

Quran menceritakan, dalam surah Ibrahim ayat 40, betapa kerinduan Nabi Ibrahim mendapatkan keluarga yang mulia, bijak, taat dan selamat di akhirat:

Ertinya:

"Ya Tuhan, jadikanlah aku dan keturunanku, orangyang tetap menegakkan solat. Ya Rab, perkenankanlah doa aku. Ya Rabbanaa, ampunilah dosaku dan dosa kedua ibu bapaku, juga dosa-dosa sekalian orang mukmin pada hari terlaksananya hisab nanti."

(Ibrahim: 40-41)

8. Doa Nabi Yusuf a.s.

Hidup penuh perjuangan dan perjuangan sentiasa diwarnai ragam pengalaman, susah, senang, berat ringan dan sebagainya. Orang kaya, orang tidak berpunya, para penguasa, para nelayan, para petani, para guru dan semuanya memiliki pengalaman sendiri-sendiri menelusuri orbit hidupnya.

Nabi Yusuf a.s. adalah seorang manusia di antara manusia lainya di muka bumi Allah yang sejak kecilnya dianugerahi aneka cerita hidup; baik derita batin mahu pun derita zahir. Beliau adalah putera Nabi Yaakub yang ke 11 dari 12 orang bersaudara. Mereka suku asli Yahudi (Israil dewasa ini); bangsa yang terkenal di kalangan bangsa-bangsa sepanjang zaman.

Dulu, lebih kurang 4,000 tahun yang lalu, Yusuf yang masih kanak-kanak itu diseteru oleh putera-putera Yaakub, saudaranya sendiri. Yusuf mereka campakkan ke dalam telaga tua. Tidak lain, kerana pada Yusuf terdapat ciri-ciri akan menjadi manusia mulia.

Untunglah, kemudian Yusuf diselamatkan oleh kabilah, pedagang yang mencari air. Yusuf mereka bawa ke negeri Mesir, lalu diperjual belikan sebagai hamba. Dari tangan ke tangan, dari tuan ke tuan lain, akhirnya Yusuf jadi anak angkat dari suatu keluarga berpengaruh di negeri Firaun yang terkenal dalam sejarah. Bukan itu saja, tetapi Yusuf mampu menjadi penguasa Mesir yang terkenal makmur dan adil.

Yusuf, dari masa kanak-kanak hingga menjadi Raja Mesir dan Nabi adalah yang terkenal cantik, naik darjat dengan menempuhi ragam penderitaan, zahir dan batin. Berpisah dengan orang tua sejak masa kecil, nyaris mati atas aniaya saudara-saudara sendiri, masuk dalam penjara dan sekian derita lain yang tidak sempat dirakam oleh sejarah. Apakah setiap orang mulia harus melewati pengalaman, ujian dan fimah seperti demikian? Wallahu a'lam.

Yang jelas, setelah Yusuf berkumpul kembali dengan keluarganya, beliau menyampaikan doa syukurnya:

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِي مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِي مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِيِّۦ فِي ٱلدُّنْيَا وَٱلْأَخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

Ertinya:

"Ya Tuhan, sungguh Engkau telah menganugerahkan daku akan sebahagian kekuasaan dan juga telah mengajarkan kepadaku akan sebahagian tabirmimpi. Yang Pencipta langit dan bumi ini, Engkaulah Pelindungku baik di dunia mahupun di akhirat. Wafatlah aku dalam keadaan Islam dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh."

(Yusuf: 101)